SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 59/2026

PROSES MENGUNDI AWAL BAGI PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRU DUN) MELAKA KE-16

1. Hari ini telah berlangsung proses mengundi awal bagi **PRU DUN Melaka Ke-16** yang **bermula pada jam 8.00 pagi**. Sejumlah **94.96%** atau **9,417 orang pengundi** yang terdiri daripada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi awal.

2. Sebanyak **31 pusat mengundi awal** telah dibuka di seluruh Melaka dan kesemua pusat pengundian ini **ditutup** pada **12.00 tengah hari (19 pusat mengundi), 2.00 petang (3 pusat mengundi) dan 5.00 petang (9 pusat mengundi)**. Seramai **9,917 orang** anggota tentera dan pasangan serta anggota polis layak untuk mengundi awal dalam **PRU DUN Melaka Ke-16** ini.

3. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.

4. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), petugas media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
10 November 2026 / 30 Jamadilawal 1448H